



# KEJADIAN-KEJADIAN YANG BERSEJARAH KEPADA INDONESIA



*Perdana Menteri Indonesia, Tuan Mohammad Natsir, sedang memberi ucapannya menerangkan dasar-dasar jemaah menteri di Parlimen Indonesia di dalam persidangan yang pertama. Di sebelah kirinya yang duduk itu ialah ahli-ahli Jemaah Menteri sedang di hadapannya ahli-ahli parlimen Indonesia yang hadir dalam persidangan itu. Di dalam Jemaah Menteri Mohammad Natsir ini ada duduk di dalamnya 4 orang daripada Parti Masyumi iaitu sebuah pertubuhan siasah Islam yang kuat sekali di Indonesia. (Riwayat pertubuhan Masyumi dan pertadbirannya akan disiarkan di dalam keluaran yang akan datang bersama-sama dengan gambar-gambarnya sekali).*



*Mr Mohammad Roem Menteri Luar Indonesia yang dahulunya menjadi Pesuruhannya Indonesia di Holland telah tiba di Indonesia semula dengan melalui Singapura pada penghujung bulan September. Apabila ia tiba di Jakarta maka istiadat bersumpah setia menjalankan tanggungannya sebagai Menteri Luar telah diadakan di Istana Merdeka di hadapan Presiden Sukarno. Di dalam gambar ini kelihatan Mr Mohammad Roem sedang menerima sumpah itu. Cara sumpahnya nampaknya masih menggunakan Quran seperti sumpah di dalam masa penjajahan Belanda dahulu juga – (Gambar-gambar dengan ihsan Jabatan Maklumat Indonesia di Singapura).*